



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	3 August 2015

# Tingkat penguatkuasaan

UM-3/8/2015

Oleh KAMIL MASLIH  
dan AINOL AMRIZ ISMAIL  
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 2 OGOS

Datuk Seri Najib Tun Razak mengarahkan Sunihanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) meningkatkan penguatkuasaan bagi menangani htnah yang terebar meluas menerusi media sosial.

Perdana Menteri berkata, undang-undang juga perlu diperkemas kerana pembohongan yang berlaku telah meracuni pemikiran rakyat sehingga menimbulkan persepsi negatif kepada kerajaan.

Menurut Najib, media sosial telah dieksploitasi pelbagai pihak termasuk pembangkang sehingga persepsi negatif terpalit kepada UMNO dan kerajaan walaupun perkara itu tidak berpaksi kepada realiti.

"Bukannya kita tidak mahu kebebasan, kita cuma tidak mahu kebebasan mutlak sehingga perkara "yang tidak benar telah dianggap benar dan diterima.

"Ini sesuatu yang tidak adil dan perlu diperbetulkan, SKMM perlu meningkatkan penguatkuasaan dan undang-undang perlu diperkemas," katanya ketika berucap merasmikan Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Hulu Selangor di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Peretakdisinihariini.

Yang turut hadir, Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Selangor, Datuk Seri Noh Omar dan Ketua UMNO Bahagian Hulu Selangor, Mat Nadzari Ahmad Dahlan.

Perdana Menteri juga memeriahkan Rumah Terbuka Aidilfitri UMNO Negeri Selangor yang turut dihadiri ketua-ketua UMNO bahagian serta merasmikan Koperasi Wanita Maju Hulu Selangor Berhad.

Daiam pada itu, Najib yang juga Presiden UMNO menegaskan, UMNO



NAJIB TUN RAZAK, Rosmah Mansor, Mohamad Hasan serta Raja Salbiah Tengku Nujumudin mengacau dodol sebagai gimik pelancaran Rumah Terbuka Malaysia Aidilfitri dan Pesta Makanan Negeri Sembilan 2015 di Dataran Rembau, malam tadi. Turut kelihatan Khairy Jamaluddin dan isteri, Nori Tun Abdullah (kanan) dan Mas Ermeyati Samsudin (dua dari kanan). - UTUSAN/ASWAD YAHYA

perlu memastikan program yang disusun mempunyai keberhasilan agar dapat menarik sokongan rakyat.

"Kita mesti memastikan keberkesanan program, tidak cukup hanya dengan *output* (pengeluaran) kita perlu juga *outcome* (keberhasilan).

"Macam Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13) lepas, saya pun kena tipu. Saya telah pergi ke program 30,000 orang datang, kita ingat orang yang datang akan bagi undi tetapi mpanya menghabiskan beras," jelasnya.

Sementara itu, Najib berkata, beliau mempunyai keyakinan UMNO dan Barisan Nasional (BN) mempunyai masa untuk memulihkan kekuatan bagi menghadapi Pilihan Raya Umum ke-14.

"Ada orang kata kalau pilihan raya hari ini kita akan kalah, saya kata kita bukannya pilihan raya hari

ini, bukannya esok.

"Kita ada masa lagi, dengan ruang dan masa yang ada, kita kena bina keyakinan rakyat supaya bila sampai masanya, rakyat menyokong UMNO dan BN," katanya.

Tegas Najib, beliau akan memastikan barisan Kabinet baharu memberi perkhidmatan terbaik demi kemajuan dan kemakmuran negara.

Beliau turut menerima baik pendirian Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Datuk Seri Mohd. Shahe Apdal untuk kekal menyokong UMNO walaupun tiada berada dalam Kabinet.

Sementara itu di Rembau, Najib mengingatkan semua pihak supaya tidak membiarkan media sosial terus mengapi-apikan perasaan rakyat sehingga menggugat kestabilan negara dan perpaduan kaum.

Katanya, medium itu menjadi salah

satu punca berlakunya ketegangan antara kaum dan amat berbahaya jika dibiarkan berkuasa serta berleluasa.

"Kaiu kita sebut ada orang jadi 'tukang kipas' dan 'batu api' ini, yang pating dahsyat adaiiah media sosial. Ia boleh menjadikan sesuatu yang sepatutnya menjadi putih bertukar menjadi keabu atau pun hitam," katanya berucap pada majlis Rumah Terbuka Malaysia di Dataran Rembau, malam ini dan turut dihadiri isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor.

Yang turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan dan isteri, Datin Seri Raja Salbiah Tengku Nujumudin; Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar dan Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Mas Ermeyati Samsudin.

Najib juga berkata, rakyat Ma-

laysia perlu bertanya diri mereka berada pada tabap berapa apabila bercakap soai perpaduan daiam kepelbagaian di negara ini.

"Peringkat pating rendah iaiah apabila kita menganggap ia sesuatu yang menjadikan kita boleh bertolak ansur, bukan bererti kita suka sangat tetapi boleh menerimanya.

"Peringkat kedua iaiah, apabila kita boleh menerima konsep itu, di mana kita tidak boieh menolaknya dan yang paling kemuncak iaiah apabila kita mampu meraikan perpaduan daiam kepelbagaian itu," ujanya.

Najib berkata, peristiwa yang berlaku di Piazza Low Yat, Kuala Lumpur misalnya sepatutnya merupakan kejadian jenayah biasa tetapi bertukar wajah hampir mencekus pergaduhan kaum yang serius kerana media sosial.